

16/07/1999

Persatuan perkenal Kerusi Dr Siti Hasmah

KUALA LUMPUR, Khamis - Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) memperkenalkan Kerusi Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebagai penghormatan kepada sumbangan dan kejayaan wanita di negara ini dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PWSM), Datuk Asiah Abu Samah, berkata Universiti Malaya dipilih untuk menubuhkan kerusi itu dan nama tokoh yang menduduki kerusi berkenaan akan diumumkan sebelum akhir tahun ini.

Katanya, pemilihan nama Dr Siti Hasmah untuk kerusi berkenaan adalah sebagai tanda hormat dan kagum PSWM terhadap sumbangan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu kepada negara.

"Universiti Malaya pula dipilih kerana ia universiti pertama dan terulung di negara ini. Dengan adanya kursi ini, ia mendorong golongan pakar, terutamanya wanita berusaha lebih gigih untuk mencapai tahap yang boleh membanggakan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Siri Ceramah Tahunan Datin Seri Dr Siti Hasmah di sini hari ini. Majlis itu dirasmikan oleh Dr Siti Hasmah sendiri selaku Penaung PWSM.

Ceramah kali ini disampaikan oleh Duta Besar Thailand ke Malaysia, Suchitra Hiranprueck, bertajuk 'Hubungan Malaysia-Thailand, Ikatan Sepanjang Masa.'

Di majlis itu juga, Asiah turut menyampai cek bernilai RM400,000 hasil kutipan jualan meja dan buku biografi Dr Siti Hasmah kepada Timbalan Canselor Universiti Malaya, Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad.

Cek berkenaan adalah sebahagian daripada kutipan RM1 juta yang berjaya dikumpul sehingga kini untuk membiayai kerusi berkenaan. Sebelum ini, PWSM sudah menyerahkan RM600,000 kepada universiti itu.

(END)